Lembaga Ahli Geologi Malaysia

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN BAGI AHLI GEOLOGI BERDAFTAR LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

GP 04

VERSI 3-2026
(PINDAAN)

JAWATANKUASA PROGRAM PEMBANGUNAN & PROFESIONAL
LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

	**GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN BAGI AHLI GEOLOGI BERDAFTAR LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA**	
	No. Rujukan	GP 04
	Tarikh Kuatkuasa	
	Bil. Versi	VERSI 3-2026 (PINDAAN)
	Disediakan Oleh	JAWATANKUASA PROGRAM PEMBANGUNAN & PROFESIONAL
	Diluluskan Oleh	LEMBAGA DALAM MESYUARAT KE-32 (BIL.2/2022)

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN
BAGI AHLI GEOLOGI BERDAFTAR
LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

1. PENDAHULUAN

Pembangunan Profesional Berterusan (*Continuing Professional Development* (CPD)) ditakrifkan sebagai mengekal, menambahbaik dan memperluas pengetahuan dan kemahiran secara sistematik serta pembangunan kualiti peribadi untuk melaksanakan tugas profesional dan teknikal sepanjang hayat kerja ahli geologi yang berdaftar dengan Lembaga Ahli Geologi Malaysia ("Lembaga"). CPD adalah komitmen holistik profesional ke arah peningkatan kemahiran peribadi dan kecekapan sepanjang kerjaya seorang Ahli Geologi Berdaftar.

Objektif CPD untuk Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar bertujuan mengekalkan pengetahuan teknikal dan kemahiran (iaitu kompetensi) untuk melakukan pekerjaan. Pada masa yang sama semua Ahli Geologi Berdaftar perlu mengikuti perkembangan geologi terkini dan perubahan dalam kod dan peraturan atau pekeliling semasa yang berkuatkuasa. Adalah sangat penting bagi semua Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar komited dalam CPD agar peka dengan cabaran-cabaran semasa dan memanfaatkan peluang yang mendatang.

2. OBJEKTIF GARIS PANDUAN DAN PROGRAM CPD:

Dokumen ini bertujuan untuk menggariskan proses memulakan, membangun, melaksana dan menilai program CPD. Objektif Program CPD adalah:

(a) Memastikan pembelajaran menjadi suatu kehendak dan proaktif.

(b) Membantu Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar menghadapi perubahan dalam hala tuju kerjaya dengan mengekalkan kualiti profesional dalam kerja-kerja perundingan, perkhidmatan dan produk geologi agar berupaya menangani cabaran baru.

(c) Memastikan bahawa kedua-dua kelayakan akademik dan praktikal memenuhi permintaan masa kini dan mendatang membolehkan semua Ahli Geologi Berdaftar untuk terus meningkatkan kemahiran diri, tanpa mengira pekerjaan, umur atau tahap pendidikan.

(d) Memberikan manfaat kepada setiap Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar agar lebih produktif, menambahbaik kerjaya serta memenuhi aspirasi untuk mempertingkatkan lagi tahap profesionalisme. Pada masa yang sama, manfaat terhadap sumber ekonomi, kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar terjamin.

3. KUASA UNTUK MELAKSANA CPD

Seksyen 4 (1)(k) Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689): mengadakan atau menyebabkan supaya diadakan program pembangunan profesional bagi Ahli Geologi Berdaftar dan pengamal berdaftar untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka dalam pembangunan terkini yang berhubungan dengan profesion geologi.

4. KEPERLUAN CPD

a) Semua Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar dengan Lembaga diwajibkan untuk mengumpul sekurang-kurangnya 10 mata kredit CPD sepanjang tahun, bermula dari Januari setiap tahun sehingga Disember tahun yang sama.

b) Semua Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar melebihi umur 65 tahun diwajibkan untuk mengumpul sekurang- kurangnya 5 mata kredit CPD sepanjang tahun; bermula dari Januari setiap tahun sehingga Disember tahun yang sama.

(c) Kegagalan Mengumpul Mata Kredit Minimum CPD

i. Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar yang gagal untuk mencapai mata kredit tahunan minimum pada 31 Disember, pendaftaran tidak akan diperbaharui untuk tahun berikutnya.

ii. Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar yang gagal memperolehi jumlah minimum mata kredit yang ditetapkan boleh mengemukakan rayuan bertulis kepada Pengerusi Lembaga untuk pertimbangan.

(d) Pengecualian: Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar boleh memohon kepada Lembaga untuk pengecualian keperluan CPD, sekiranya:

a. Ahli tersebut cuti sakit >6 bulan. Bukti dokumen diperlukan.

b. Ahli geologi asing yang bekerja <12 bulan di Malaysia.

5. PROGRAM CPD

Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar mesti merancang pengisian CPD mereka merangkumi bidang kepakaran masing-masing, bidang-bidang geologi yang lain dan bidang-bidang semasa yang diperlukan. Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar juga mesti berusaha untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang-bidang seperti kerja berpasukan pelbagai disiplin, pengurusan, profesionalisme, komunikasi interpersonal, sikap dan tingkah laku.

(a) Program CPD untuk Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar akan terdiri daripada enam kumpulan utama aktiviti:

A. Aktiviti Pendidikan
B. Aktiviti Pembelajaran dan Latihan
C. Persidangan dan Lawatan Lapangan
D. Pembentangan, Penerbitan Dan Pemberi Latihan (Trainer)
E. Sumbangan kepada Pembangunan Profesion
F. Penglibatan Industri, Akademik dan Sektor Awam

Penjelasan bagi aktiviti di atas seperti di **Lampiran A**

b) Fungsi yang dilakukan secara rutin sebagai sebahagian daripada pekerjaan biasa tidak boleh diambilkira - contohnya pensyarah universiti / perunding tidak boleh disenaraikan di bawah Kumpulan Aktiviti Utama "D. Pembentangan, Penerbitan Dan Pemberi Latihan (Trainer)" seperti apa-apa kuliah / laporan perundingan yang mereka sediakan sebagai sebahagian daripada pekerjaan mereka.

(c) Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar yang percaya bahawa beliau telah menjalankan/mengikuti aktiviti lain yang mematuhi definisi am CPD, boleh mengemukakan permohonan kepada Pengerusi Lembaga untuk dipertimbang dan diperakukan mata kredit.

6. AKTIVITI CPD YANG DILULUSKAN

Aktiviti CPD yang diluluskan bermaksud, aktiviti pembelajaran yang telah mencapai standard CPD yang diperlukan. Nilai pembelajaran akan diteliti oleh Jawatankuasa Program Pembangunan dan Profesional bagi memastikan integriti dan kualiti.

(a) Pengiktirafan rasmi mata CPD akan dilaksanakan oleh Lembaga. Aktiviti CPD akan dijalankan oleh Lembaga sendiri atau organisasi lain yang dipersetujui oleh Lembaga.

(b) Semua Institusi yang berhasrat untuk menganjurkan program bagi membekal mata kredit CPD perlu mengemukakan permohonan kepada Lembaga untuk dipertimbangkan. Permohonan perlulah dilakukan dengan mengisi borang permohonan CPD seperti di Lampiran B. Berikut adalah antara kriteria-kriteria yang digunakan bagi mempertimbangkan permohonan membekal mata kredit CPD.

Kriteria Program CPD	YA/TIDAK/TIDAK BERKAITAN
1. Penilaian aktiviti rekod terdahulu >75% memuaskan	
2. Matlamat dan objektif pembelajaran telah disebutkan	
3. Kandungan adalah tepat, relevan, terkini disokong oleh bukti	
4. Memenuhi keperluan Pendidikan profesional dengan memberi tumpuan kepada sekurang-kurangnya satu aspek berkaitan geologi	
5. Bahan Pendidikan yang sesuai	
6. Tempat yang sesuai	
7. Penceramah mempunyai rekod maklum balas yang baik	
8. Aktiviti CPD adalah bukan promosi	
9. Aktiviti CPD bukan untuk publisiti diri	

(c) Proses menilai dan memperaku permohonan sebagai pembekal mata kredit CPD akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Program Pembangunan dan Profesional.

(d) Semua pembekal CPD dikehendaki mengisytiharkan apa-apa konflik kepentingan bagi setiap program CPD yang dianjurkan.

(e) Lembaga akan menyimpan senarai semua institusi yang diluluskan dan senarai akan dikaji semula setiap 3 tahun atau sekiranya perlu.

(f) Jawatankuasa Program Pembangunan dan Profesional boleh menghantar pemerhati untuk menilai kualiti dan prestasi pembekal CPD.

7. MATA KREDIT CPD

a) Mata kredit CPD ditentukan oleh Jawatankuasa Program Pembangunan dan Profesional dan diluluskan oleh Lembaga seperti berikut:

Kumpulan Aktiviti Utama (Lampiran A)	Jenis Program CPD	Mata Kredit
A. Aktiviti Pendidikan	1. Sepenuh masa pengajian selama sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan atau lebih mengenai subjek yang berkaitan dengan geologi (maks. 5 tahun)	10
	2. Belajar sepenuh masa selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan mengenai subjek yang berkaitan dengan geologi	7
	3. Pengajian Separuh Masa / Jarak Jauh selama tempoh tidak kurang dari dua (2) tahun yang membawa kepada Ijazah Pascasiswazah berkaitan dengan geologi (maks. 8 tahun)	5

	4. Kursus pendek di institusi berdaftar dan diperakui oleh Lembaga	4
B. Aktiviti Pembelajaran dan latihan	Kursus/latihan/aktiviti tertakluk kepada kelulusan Lembaga (cth. Kursus dalaman, online, makmal dll.) Kursus Geologi i. 1 hari - 1 CPD ii. 2-5 hari - 2 CPD iii. 1-2 minggu - 3 CPD iv. 2-4 minggu - 4 CPD v. + 4 minggu - 5 CPD Kursus Kemahiran Pembangunan Geologi i. 1 hari - 1 CPD ii. 2-14 hari - 2 CPD iii. + 2 minggu - 3 CPD Pembelajaran Kendiri (Self Learning) berasaskan bukti yang disahkan majikan	1 - 5
C. Persidangan dan Lawatan Lapangan	1. Dianjurkan oleh Lembaga/ Institut Geologi Malaysia (IGM) / Persatuan Geologi Malaysia (PGM): i. Separuh hari a. Kurang dari 3 jam b. Lebih dari 3 jam ii. Satu hari iii. Melebihi satu hari	 i. a. 1 i. b. 2 ii. 3 iii. 4
	2. Dianjurkan oleh pihak lain tertakluk kepada kelulusan Lembaga: i. Separuh hari (3 jam atau lebih) ii. Satu hari iii. Melebihi satu hari	 i. 1 ii. 2 iii. 3
D. Pembentangan, Penerbitan Dan Pemberi Latihan (Trainer)	i. Memberi syarahan/ pembentangan a. Kebangsaan b. Antarabangsa ii. Ketua kerja lapangan/ makmal/ memberi latihan a. Satu hari b. Melebihi satu hari iii. Pengerusi/ pemudahcara sidang iv. Menerbitkan kertas dalam jurnal berindeks v. Menerbitkan kertas dalam prosiding dll. vi. Penerbitan sebuah buku yang diperakukan oleh Lembaga	 i. a. 2 i. b. 3 ii. a. 2 ii. b. 3 iii. 2 iv. 5 v. 2
	a) Pengarang b) Pengarang bab c) Penyunting	vi. a. 6 vi. b. 2 vi. c. 3

E. Sumbangan kepada Pembangunan Profesion	1. Profesion geologi (keahlian majlis/ jawatankuasa Lembaga, IGM dan PGM) yang menghadiri mesyuarat tetap dengan sekurang-kurangnya 70% kehadiran keseluruhan bagi mana-mana jawatan berikut yang dipegang: i. Pengerusi/ Presiden ii. Setiausaha/ Editor/ Bendahari iii. Ahli Majlis/ Jawatankuasa	 i. 6 ii. 5 iii. 3
	2. Lain-lain i. Ahli biasa IGM/PGM dengan kehadiran di Mesyuarat Agung Tahunan ii. Ahli biasa IGM/PGM iii. Pewasit jurnal, penilai teknikal iv. Keahlian jawatankuasa/ badan profesion lain (tertakluk kepada perakuan Lembaga) v. Keahlian badan profesion antarabangsa (tertakluk kepada perakuan Lembaga) vi. Jangkauan masyarakat (IPT/IPTS, sekolah, komuniti & dll.) vii. Perkhidmatan/ tugas khas yang dimandatkan oleh Lembaga	 i. 2 ii. 1 iii. 2 iv. 2 v. 1 vi. 2 vii. 3
F. Penglibatan Industri, Akademik dan Sektor Awam	i. Penyelia/ mentor latihan industri (bukan ahli akademik) ii. Penyelia tesis (bukan ahli akademik) iii. Penilai tesis (bukan ahli akademik) iv. Sabatikal di sektor awam/ industri (ahli akademik) v. Pensyarah/ Professor Adjung/ Panel Penasihat Industri/ Panel Pakar Industri (bukan ahli akademik)	i. 3 ii. 3 iii. 3 iv. 3 v. 3

b) Mana-mana aktiviti profesional tempatan, yang membawa kepada mata CPD akan diiklankan di laman web Lembaga.

8. AKTIVITI CPD OLEH INSTITUSI TIDAK BERDAFTAR DAN ANTARABANGSA

a) Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar yang menghadiri aktiviti CPD yang ditawarkan oleh institusi yang tidak berdaftar dan institusi antarabangsa boleh mendapat mata kredit sekiranya kursus itu adalah berkaitan bidang geologi.

b) Permohonan bagi memperaku aktiviti tersebut boleh dikemukakan kepada Lembaga.

9. E-PEMBELAJARAN

a) Mata kredit yang diperolehi melalui E-pembelajaran modul geologi juga akan diterima dengan syarat modul memenuhi keperluan pembelajaran.

10. MEREKODKAN CPD

a) Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar perlu menyimpan rekod aktiviti CPD tahunan mereka di dalam lembaran rekod CPD seperti di **Lampiran C**. Ahli Geologi Berdaftar perlu memastikan bahawa maklumat yang diisi adalah betul, terkini dan memenuhi keperluan Lembaga.

b) Pembekal CPD perlu mengesahkan aktiviti yang dijalankan dalam bentuk sijil, senarai keputusan, rekod kehadiran dan penerimaan pembayaran kursus.

c) Pembekal CPD perlu menyimpan rekod setiap peserta yang telah mengikuti program yang dianjurkan. Pembekal juga perlu mengemukakan senarai kehadiran kepada Lembaga. Pembekal hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya sijil penyertaan kepada individu bagi setiap aktiviti yang telah selesai dalam tempoh 2 minggu.

d) Setiap Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar hendaklah mengemukakan satu salinan Borang CPD yang telah lengkap diisi kepada Lembaga bagi setiap 6 bulan; iaitu pada bulan Jun dan Disember.

e) Mata kredit yang berlebihan boleh dibawa ke hadapan untuk setahun yang berikutnya sahaja.

f) Rekod dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh Ahli Geologi Berdaftar akan diperiksa dan disah bagi memastikan semua keperluan CPD telah dipenuhi.

11. PENYIMPANAN REKOD CPD DI LEMBAGA

a) Semua kertas rekod CPD setiap Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar akan diletakkan dalam fail Ahli Geologi Berdaftar dan mata kredit CPD pada tahun-tahun berkenaan akan didokumenkan. Semua data akan dipindahkan ke dalam pangkalan data di mana setiap Ahli Geologi Berdaftar akan dapat memantau mata kredit CPD yang terkumpul.

b) Peringatan e-mel automatik akan dihantar kepada setiap Ahli Geologi Berdaftar pada akhir bulan Mei dan November setiap tahun menggunakan format di bawah:

‘Tuan/Puan Ahli Geologi,

Sila hantar borang CPD dwi tahunan anda kepada Lembaga. Sila abaikan e-mel jika anda telah berbuat demikian. Sila ambil perhatian bahawa ini adalah satu peringatan automatik. Jangan balas e-mel ini.‘

c) Semua Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar mesti memaklumkan dan mengemaskini sebarang perubahan dalam alamat surat- menyurat dan e-mel kepada Lembaga.

12. DOKUMEN PALSU

Lembaga akan melakukan audit terhadap rekod CPD yang dikemukakan oleh Ahli Geologi Berdaftar dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat Ahli Geologi Berdaftar yang mengemukakan rekod yang mencurigakan, suatu cadangan bagi tindakan pembetulan akan dikemukakan bagi mengelakkan kejadian berulang. Sekiranya maklumat yang dikemukakan didapati palsu, tindakan boleh diambil ke atas Ahli Geologi Berdaftar di bawah Peraturan Tatatertib Lembaga kerana pelanggaran etika yang serius. Dalam kes ketidakpatuhan, tindakan berikut mungkin mengakibatkan:

(i) Ahli berkenaan perlu menjalani aktiviti CPD yang khusus sebelum pembaharuan pendaftaran sebagai Ahli Geologi Berdaftar atau Pengamal Berdaftar.
(ii) Penggantungan pendaftaran sebagai Ahli Geologi Berdaftar sehingga tindakan tertentu telah selesai.
(iii) Pembatalan pendaftaran sebagai Ahli Geologi Berdaftar atau Pengamal Berdaftar.
(iv) Lembaga menetapkan apa apa syarat lain yang dianggap sesuai oleh Lembaga sebelum pembaharuan pendaftaran dibenarkan.

13. JAWATANKUASA PELAKSANA CPD

Jawatankuasa Program Pembangunan dan Profesional bertanggungjawab terhadap pelaksanaan CPD. Tanggungjawab jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

a) Menguruskan program CPD untuk kelulusan Lembaga.

b) Mengawalselia pematuhan garis panduan CPD dan mengkaji semula kriteria penilaian CPD setiap 3 tahun, atau sekiranya perlu.

c) Mengkaji semua permohonan pembekal CPD dan bertanggungjawab untuk memberikan kelulusan mata kredit CPD.

d) Melakukan pemeriksaan rawak terhadap lembaran rekod CPD Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar yang diurus oleh Pendaftar bagi memastikan maklumat yang dikemuka adalah tepat.

e) Mengkaji maklum balas dari pelanggan, ahli geologi, institusi dan persatuan dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti program CPD.

f) Hadir sebagai pemerhati program CPD bagi melakukan penilaian terhadap program CPD yang dianjurkan.

g) Mengadakan mesyuarat berkala atau sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pengerusi.

h) Mengambil maklum dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap sebarang pertikaian yang dibangkitkan oleh mana-mana pihak.

14. SETIAUSAHA CPD

Lembaga akan melantik Setiausaha CPD. Tugasan yang perlu dilaksanakan oleh Setiausaha CPD adalah seperti berikut:

a) Menyimpan rekod penilaian CPD yang diterima.

b) Menjalankan pemeriksaan terhadap fail Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar dan melaporkan kepada Jawatankuasa Program Pembangunan dan Profesional.

c) Mengumpulkan maklumat pemohonan kursus CPD yang ditawarkan oleh pembekal CPD termasuk institusi profesional, institusi pendidikan, majikan dan industri untuk pengesahan Jawatankuasa Program Pembangunan dan Profesional.

d) Menghebahkan peluang CPD kepada Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar.

15. TARIKH KUATKUASA

a) Keperluan jumlah minimum mata kredit CPD berkuatkuasa secara mandatori bermula 1 Januari 2022 untuk pembaharuan keahlian tahun 2023 dan seterusnya.

b) Mata kredit CPD kumulatif tahun 2020 hingga 2022 boleh dibawa untuk pembaharuan pendaftaran tahun 2023.

LAMPIRAN A

Penjelasan bagi aktiviti CPD

JENIS AKTIVITI CPD

Aktiviti Program CPD untuk Ahli Geologi Profesional terdiri daripada enam kumpulan utama:

A. Aktiviti Pendidikan
B. Aktiviti Pembelajaran dan Latihan
C. Persidangan dan Lawatan Lapangan
D. Pembentangan Penerbitan Dan Pemberi Latihan (Trainer)
E. Sumbangan kepada Pembangunan Profesion
F. Penglibatan Industri, Akademik dan Sektor Awam

A. Aktiviti Pendidikan

Kursus yang dijalani di institusi berdaftar dan diperakui oleh Lembaga. Ini termasuk pendidikan bersemuka secara formal, pendidikan jarak jauh, kursus pendek, dan lain-lain. Aktiviti ini mengambilkira masa yang digunakan dalam persediaan dan susulan yang mana melibatkan proses penilaian.

Kursus pendek ditakrifkan sebagai aktiviti yang melibatkan pembelajaran di luar tempat kerja. Ini termasuk kursus yang dijalani di institusi pengajian tinggi bagi mendapatkan pengijazahan.

Ahli Geologi Berdaftar perlulah menyertakan bukti-bukti pengajian seperti surat pendaftaran dari institusi, sijil penyertaan, surat atau email pengesahan kehadiran serta senarai topik dan kandungan kursus.

B. Aktiviti Pembelajaran dan Latihan

Pembelajaran dan latihan diperlukan bagi meningkatkan asas kompetensi terutama apabila Ahli Geologi Berdaftar perlu melaksanakan tugas dalam bidang-bidang geologi baharu. Kumpulan aktiviti ini merujuk kepada pembelajaran di tempat kerja, dan/atau aktiviti yang dianjurkan bagi memenuhi keperluan tugas semasa dan pembelajaran kendiri (*self learning*).

Semua aktiviti yang dilaporkan hendaklah disertai dengan bukti-bukti seperti sijil penyertaan, surat jemputan atau email pengesahan kehadiran, senarai topik dan kandungan kursus.

C. Persidangan dan Lawatan Lapangan

Seseorang Ahli Geologi Berdaftar layak menuntut mata CPD sekiranya beliau hadir sebagai peserta dalam persidangan, simposium, bengkel, lawatan lapangan, mesyuarat dan perjumpaan lain tertakluk kepada kelulusan Lembaga.

Semua aktiviti yang dilaporkan hendaklah disertai dengan bukti-bukti seperti sijil penyertaan, surat jemputan atau email pengesahan kehadiran.

D. Pembentangan, Penerbitan Dan Pemberi Latihan (Trainer)

Seseorang Ahli Geologi Berdaftar layak menuntut mata CPD sekiranya beliau berperanan sebagai penceramah atau pembentang atau pensyarah atau pengerusi atau pemudahcara dalam persidangan, simposium, bengkel, lawatan lapangan, mesyuarat dan perjumpaan lain.

Seseorang Ahli Geologi Berdaftar juga layak menuntut mata CPD sekiranya beliau terlibat dalam aktiviti bagi meningkatkan kecekapan dan kemajuan bidang geologi. Aktiviti di bawah kumpulan ini termasuk menerbitkan kertas dalam jurnal berindeks, prosiding atau sekiranya ahli terlibat sebagai pengarang atau penyunting buku yang diperakukan oleh Lembaga.

Semua aktiviti yang dilaporkan hendaklah disertai dengan bukti-bukti seperti sijil penyertaan, surat jemputan atau email pengesahan kehadiran dan/atau salinan buku /artikel/ jurnal yang diterbitkan.

E. Sumbangan kepada Pembangunan Profesion

Seseorang Ahli Geologi Berdaftar layak menuntut mata CPD sekiranya beliau menyumbang kepada pembangunan profesion serta penyebaran ilmu kepada masyarakat. Sumbangan terhadap profesion geologi termasuk keahlian dalam jawatankuasa Lembaga, IGM & PGM; berperanan sebagai pewasit atau penilai teknikal ilmu geologi; keahlian dalam jawatankuasa badan lain bagi mewakili bidang geologi; serta mengambil bahagian dalam aktiviti jangkauan masyarakat bagi IPT/IPTS, sekolah, komuniti & kumpulan lain.

Semua aktiviti yang dilaporkan hendaklah disertai dengan bukti-bukti seperti surat lantikan, salinan kad keahlian dan/atau salinan jurnal yang diwasit.

F. Penglibatan Industri, Akademik dan Sektor Awam

Penglibatan Ahli Geologi Berdaftar dalam industri, akademik dan sektor awam adalah penting bagi pendidikan bidang geologi dan pembangunan profesion. Ini dapat memastikan agar ahli akademik didedahkan kepada perkembangan bidang geologi di luar universiti melalui program sabatikal dan latihan industri. Manakala pihak industri dan sektor awam juga dapat menyumbang kepada pembangunan program akademik dengan berperanan sebagai pensyarah/ professor adjung, panel penasihat/ pakar industri, penyelia/ mentor latihan industri dan penyelia/ penilai tesis.

Semua aktiviti yang dilaporkan hendaklah disertai dengan bukti-bukti seperti surat lantikan dan senarai nama pelajar yang terlibat.

LAMPIRAN B

LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA
Aras 8, Menara PjH, No.2, Jalan Tun Abdul Razak,
Presint 2, 62100 Putrajaya, Malaysia.

BORANG PERMOHONAN UNTUK
PEMBEKAL CPD

MAKLUMAN UNTUK PEMBEKAL

1. Gunakan borang berlainan bagi setiap program.
2. Borang lengkap hendaklah dikemukakan bersama bahan sokongan.
3. Permohonan dikemukakan dalam tempoh 2 bulan sebelum program dilaksanakan.
4. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan bayaran pemprosesan sebanyak RM100.00 dijelaskan kepada **Lembaga Ahli Geologi** (Akaun Maybank 564052522670) secara perbankan internet/ CDM/ draf bank/ tunai. Bayaran ini tidak dikembalikan.
5. Senarai kehadiran peserta hendaklah dikemukakan kepada Lembaga dalam tempoh 2 minggu selepas program.
6. Salinan bahan yang diedarkan kepada peserta hendaklah dikemukakan kepada Lembaga dalam tempoh 2 minggu selepas program.
7. Kelulusan Lembaga adalah tertakluk kepada maklumat program yang dikemukakan. Sebarang perubahan hendaklah dimaklumkan kepada Lembaga dan Lembaga berhak membatalkan kelulusan jika kurang berpuashati terhadap perubahan tersebut.
8. Makluman kelulusan program CPD akan dimuat naik ke dalam laman sesawang Lembaga dan Lembaga tidak bertanggung jawab terhadap sebarang perubahan.
9. Logo Lembaga tidak boleh digunakan dalam sebarang urusan berkaitan dengan program yang diluluskan.
10. Semua keputusan Lembaga adalah muktamad.

---

1. Maklumat Penganjur

i.	Nama Organisasi:	
ii.	Alamat:	
iii.	No Telefon:	
iv.	E-mail:	
v.	Nama Pegawai Perhubungan:	
vi.	Jawatan:	

2. Maklumat Penganjur Bersama

i.	Nama Organisasi:	
ii.	Alamat:	
iii.	No Telefon:	
iv.	E-mail:	
v.	Nama Pegawai Perhubungan:	
vi.	Jawatan:	

3. Maklumat Program CPD

i.	Tajuk program:		
ii.	Tarikh:		
iii.	Tempat:		
iv.	Bilangan Jam:		
v.	Matlamat dan Objektif Pembelajaran		
vi.	Aspek berkaitan Geologi:		
vii.	Bilangan peserta: (kecuali kes khas)		
viii.	Jenis program (sila tanda /)		
	Seminar		Persidangan
	Simposium		Lawatan lapangan
	Bengkel		Mesyuarat
	Perjumpaan lain. Nyatakan:		
ix.	Bahan sokongan perlu disertakan (sila tanda /)		
(wajib)	Brosur		
(wajib)	Senarai Topik		
(wajib)	Senarai Pembentang dan CV		
(wajib)	Bukti bayaran pemprosesan		
	Lampiran Bahan Pembentangan/ Pendidikan		
(Pegawai bertanggungjawab)			Tarikh
Cop Syarikat			

LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA
Aras 8, Menara PjH, No.2, Jalan Tun Abdul Razak,
Presint 2, 62100 Putrajaya, Malaysia.

LAMPIRAN C
versi 3/2026 (Pindaan)

BORANG PENYERAHAN CPD UNTUK AHLI GEOLOGI BERDAFTAR

NAMA:

NO. PENDAFTARAN:

REKOD BAGI TAHUN: 2026

ARAHAN: Isi mengikut urutan L1 > L2 > L3 > L4

L1

L2

L3

Mata kredit dibawa dari tahun lepas *(Info: Lebihan CPD tahun lepas)*

Sasaran CPD Tahun ini 10 *(Info: Default=10. Jika umur 60 dan ke atas, nilai=5)*

Setiap aktiviti yang dilaporkan dalam L3 perlu kemukakan bukti dokumen sokongan

AKTIVITI CPD TAHUN INI

Kumpulan Aktiviti Utama	Jenis Program CPD	Mata Kredit	L3: Bilangan aktiviti	Jumlah Mata
A. Aktiviti Pendidikan	1. Sepenuh masa pengajian selama sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan atau lebih mengenai subjek yang berkaitan dengan geologi (maks. 5 tahun)	10		0
	2. Belajar sepenuh masa selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan mengenai subjek yang berkaitan dengan geologi	7		0
	3. Pengajian Separuh Masa/ Jarak Jauh selama tempoh tidak kurang dari dua (2) tahun yang membawa kepada Ijazah Pascasiswazah berkaitan dengan geologi (maks. 8 tahun)	5		0
	4. Kursus pendek di institusi berdaftar dan diperakui oleh Lembaga	4		0
B. Aktiviti Pembelajaran dan Latihan	Kursus/ latihan/ aktiviti tertakluk kepada kelulusan Lembaga (cth. Kursus dalaman, online, makmal dll.):		-	-
	i) Kursus Geologi		-	-
	a. 1 hari	1		0
	b. 2 - 5 hari	2		0
	c. 1 - 2 minggu	3		0
	d. 2 - 4 minggu	4		0
	e. +4 minggu	5		0
	ii) Kursus Kemahiran Pembangunan Geologi		-	-
	a. 1 hari	1		0
	b. 2 - 14 hari	2		0
	c. +2 minggu	3		0
	iii) Pembelajaran Kendiri (Self Learning) berasaskan bukti yang disahkan majikan	2		0
C. Persidangan dan Lawatan Lapangan	*1. Dianjurkan oleh Lembaga/ Institut Geologi Malaysia (IGM)/ Persatuan Geologi Malaysia (PGM):*		-	-
	i) Separuh hari		-	-
	a. Kurang dari 3 jam	1		0
	b. Lebih dari 3 jam	2		0
	ii) Satu hari	3		0
	iii) Melebihi satu hari	4		0
	2. Dianjurkan oleh pihak lain tertakluk kepada kelulusan Lembaga:		-	-
	i) Separuh hari (3 jam atau lebih)	1		0
	ii) Satu hari	2		0
	iii) Melebihi satu hari	3		0
	I. Memberi syarahan/ pembentangan		-	-

D. Pembentangan, Penerbitan dan Pemberi Latihan (Trainer)	a. Kebangsaan	2			0
	b. Antarabangsa	3			0
	ii. Ketua kerja lapangan/ makmal/ memberi latihan		-		-
	a. Satu hari	2			0
	b. Melebihi satu hari	3			0
	iii. Pengerusi/ pemudahcara sidang	2			0
	iv. Menerbitkan kertas dalam jurnal berindeks	5			0
	v. Menerbitkan kertas dalam prosiding dll.	2			0
	vi. Penerbitan sebuah buku yang diperakukan oleh Lembaga		-		-
	a. Pengarang	6			0
	b. Pengarang bab	2			0
	c. Penyunting	3			0
E. Sumbangan kepada Pembangunan Profesion	*1. Profesion geologi (Keahlian majlis/ jawatankuasa Lembaga, IGM & PGM)*		-		-
	i. Pengerusi/ Presiden	6			0
	ii. Setiausaha/ Editor/ Bendahari	5			0
	iii. Ahli Majlis/ Jawatankuasa	3			0
	2. Lain-lain		-		-
	i. Ahli biasa IGM/PGM dengan kehadiran di Mesyuarat Agung Tahunan	2			0
	ii. Ahli biasa IGM/PGM	1			0
	iii. Pewasit jurnal, penilai teknikal	2			0
	iv. Keahlian jawatankuasa/ badan profesion lain (tertakluk kepada perakuan Lembaga)	2			0
	v. Keahlian badan profesion antarabangsa (tertakluk kepada perakuan Lembaga)	1			0
	vi. Jangkauan masyarakat (IPT/IPTS, sekolah, komuniti & dll.)	2			0
	vii. Perkhidmatan/ tugas khas yang dimandatkan oleh Lembaga	3			0
F. Penglibatan Industri, Akademik dan Sektor Awam	i. Penyelia/ mentor latihan industri (bukan ahli akademik)	3			0
	ii. Penyelia tesis (bukan ahli akademik)	3			0
	iii. Penilai tesis (bukan ahli akademik)	3			0
	iv. Sabatikal di sektor awam/ industri (ahli akademik[1])	3			0
	v. Pensyarah/ Professor Adjung/ Panel Penasihat Industri/ Panel Pakar Industri (bukan ahli akademik)	3			0
			Jumlah mata CPD tahun ini:		**0**

NOTA:

1. Ahli akademik bermaksud kakitangan akademik di institusi pengajian tinggi awam atau swasta.